

14 AUG 1999

Mahathir-Produk

YAKINI PRODUK TEMPATAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa rakyat Malaysia supaya meyakini produk keluaran Malaysia kerana kualiti mereka adalah sama baik atau lebih bermutu berbanding produk yang diimport dari negara-negara lain termasuk negara maju.

Beliau juga mengingatkan pengeluar tempatan untuk mengeluarkan produk berkualiti tinggi yang mematuhi standard antarabangsa.

"Kita mahu rakyat Malaysia percaya dengan produk kita ... kualitinya yang bertaraf dunia, disebabkan itu pameran seperti ini penting," katanya semasa merasmikan Ekspo Cintai Malaysia '99 di sini.

Beliau berkata rakyat Malaysia sepatutnya bersedia untuk membayar lebih sedikit bagi produk tempatan yang kualitinya baik.

Katanya mereka perlu menanamkan semangat patriotik dalam membeli barangan tempatan yang dapat membantu industri Malaysia dan untuk negara ini makmur.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia kebanyakannya tidak yakin dengan produk buatan tempatan kerana percaya barangan itu tidak sebaik barangan yang diimport dari negara maju.

Tetapi mereka kadang-kadang membeli barangan seperti pakaian di luar negara kemudiannya mendapati bahawa ia dibuat di negara ini.

"Orang lain bersedia untuk menerima barangan kita. Kini rakyat Malaysia mesti membeli produk buatan Malaysia bukan kerana atas semangat patriotik sahaja tetapi sedar bahawa kualitinya baik," katanya.

Dr Mahathir berkata kadang-kadang sukar untuk memujuk rakyat Malaysia membeli barangan tempatan walaupun direka oleh rakyat Malaysia menggunakan bahan-bahan tempatan dan dikeluarkan oleh tenaga kerja Malaysia.

Beliau berkata walaupun rakyat Malaysia ditekankan untuk membeli barangan tempatan, ia tidak bermakna bahawa negara akan berhenti daripada membeli produk dari negara-negara lain.

Perdana Menteri berkata ini kerana Malaysia percaya dalam mewujudkan kekayaan bagi dirinya sendiri dan untuk negara lain apabila ia mengimport barangan daripada mereka.

Sambil menggesa pengeluar tempatan mengeluarkan barangan berkualiti, Dr Mahathir berkata mereka tidak sepatutnya cuba memasarkan barangan bermutu rendah yang akan memberikan gambaran buruk ke atas Malaysia.

"Produk itu mesti sama seperti digambarkan dalam brosur atau buku panduan (para pengeluar)," katanya.

Oleh kerana Malaysia sedang pulih daripada krisis ekonomi dan kewangan serantau, adalah perlu bagi negara ini menyimpan dan juga meningkatkan simpanan asingnya dengan mengeksport lebih banyak barangan.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memulihkan ekonomi dengan terdapatnya beberapa petanda yang menunjukkan bahawa ianya sudah semakin pulih.

"Kita berada dalam keadaan yang lebih baik berbanding satu tahun lepas," katanya.

Objektif utama ekspo itu, selain menyokong usaha-usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara, ialah untuk menggalakkan rakyat Malaysia membeli produk tempatan, mempromosi pasaran domestik dan menerokai pasaran eksport dengan mempelawa pembeli asing ke pameran itu.

Ekspo itu diiktiraf oleh Malaysia Book of Records sebagai pameran pengguna dan perdagangan terbesar di negara ini.

Dengan lebih 600 ruang pameran dan 340 syarikat menyertainya, ekspo

tahun ini mempamerkan produk dan perkhidmatan buatan Malaysia termasuk teknologi maklumat, institusi kewangan, hartanah dan hotel yang tidak disenaraikan pada ekspo tahun lepas.

Jawatankuasa penganjurnya juga telah menganjurkan pameran bergerak ke China dan negara-negara Asean serta mempelawa pembeli asing datang ke ekspo itu.

Kesesuaian perniagaan dan aktiviti bersumberkan import juga diaturkan semasa ekspo itu, terima kasih kepada kira-kira 500 perwakilan asing dari Thailand, Myanmar, Vietnam, Kemboja, Indonesia, Brunei, Filipina dan China yang hadir ke ekspo itu.

Acara yang diadakan dari 13-22 Ogos itu di Seri Kembangan dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri China Kuala Lumpur dan Selangor dengan kerjasama Malaysia International Exhibition and Showroom (M.I.N.E.S).

-- BERNAMA

MAM RHM RON